

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI
MASLAN [PONTIAN]**

SOALAN NO. 37

Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan projek-projek pendidikan di Parlimen Pontian serta kosnya untuk tahun 2017, 2018 dan perancangan tahun 2019. Adakah kolej komuniti di Benut dan Sekolah Agama Berasrama Penuh akan dibina di Benut, berapa kos dan bila akan dimulakan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa berusaha untuk menyediakan fasiliti pendidikan yang kondusif. Berhubung projek pendidikan di Parlimen Pontian, beberapa projek pembinaan telah disenaraikan di bawah RMKe-11 dengan kos sebanyak RM12.3 juta. Senarai projek pendidikan tersebut adalah seperti berikut:

1. Pembinaan enam (6) bilik darjah dan kemudahan-kemudahan lain di Sekolah Menengah Kebangsaan Benut, Pontian, Johor. Status pembinaan tersebut berada pada Fasa Pembayaran Akaun Muktamad.
2. Pembinaan enam (6) bilik darjah dan kemudahan-kemudahan lain di Sekolah Baharu Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Perhentian, Pontian, Johor. Status pembinaan tersebut kini juga berada pada Fasa Pembayaran Akaun Muktamad.

NO. SOALAN: 37

3. Pembinaan Dewan Serba Guna SMK Sri Perhentian, Johor.
4. Cadangan Pembinaan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di Bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (PRE-2) Fasa 2 - Zon B (Selatan) SMA An-Nur, Pontian, Johor (Bantuan Modal).
5. Pembinaan baharu pejabat guru Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Penggawa Barat di Daerah Pontian, Johor.
6. Pembinaan baharu tandas di Sekolah Menengah Kebangsaan Dato' Ali Haji Ahmad di Daerah Pontian, Johor.
7. Pembinaan baharu tandas di Sekolah Kebangsaan Tengku Mahmood Iskandar 1 di Daerah Pontian, Johor.

Berhubung cadangan pembinaan Sekolah Agama Berasrama Penuh di Benut, buat masa ini KPM tiada perancangan untuk membina sekolah tersebut di Benut. Hal ini kerana, sekolah berasrama penuh (SBP) sedia ada mampu menampung kemasukan murid yang memenuhi kriteria yang ditetapkan. Pada masa kini, terdapat 69 SBP di seluruh negara. Fokus utama KPM pada masa kini adalah untuk menaik taraf SBP sedia ada agar dapat menyediakan kemudahan dan iklim pembelajaran yang lebih kondusif dan sempurna.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di negeri Johor juga telah ditubuhkan empat (4) buah politeknik dan 12 kolej komuniti yang menawarkan program pendidikan dan latihan peringkat diploma dan sijil dalam bidang kejuruteraan, teknologi, perdagangan dan perkhidmatan untuk menyokong keperluan tenaga kerja mahir dan profesional bagi menyokong pembangunan ekonomi negeri dan negara. Benut terletak dalam Majlis Daerah Pontian dan terdapat lima (5) institusi TVET berada dalam daerah tersebut dan salah satu daripada institusi TVET tersebut adalah Kolej Komuniti Tanjung Piai dan selebihnya adalah Kolej Kemahiran Belia Nasional Pontian, Kolej Matrikulasi Teknikal Johor, Giatmara Pontian, dan Giatmara Tanjung Piai. Selain itu, penubuhan sesebuah universiti awam, politeknik atau kolej komuniti mengambil kira pelbagai aspek seperti keperluan guna tenaga negara, keperluan strategik pembangunan negara dan keupayaan pembiayaan kerajaan dan jumlah perjawatan yang dapat dibekalkan.

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN BERTULIS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAJI
MASLAN [PONTIAN]**

**SOALAN: Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI menyatakan status
Pulau Kukup sebagai Taman Negara Johor dan adakah Pulau Pisang
di perairan Pontian juga memiliki status ini. Adakah Pulau Pisang akan
dibangunkan dan bila akan dimulakan.**

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebagaimana yang diumumkan oleh YAB Menteri Besar Johor Dato' Haji Osman bin Haji Sopian ketika menyampaikan ucapan penggulungan di persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor pada 9 Disember 2018 yang lalu iaitu "Pulau Kukup akan terus kekal sebagai kawasan Taman Negara (Johor), serta hendaklah dijaga dan dikawal selia oleh kerajaan negeri di bawah Perbadanan Taman Negara Johor (PTNJ)".

Pulau Kukup merupakan salah satu tapak Ramsar di Malaysia iaitu pengiktirafan di peringkat antarabangsa yang diperolehi pada 31 Januari 2003 (No. Ramsar 1287) di atas keistimewaannya dan status tersebut masih kekal sehingga kini. Bagi memastikan kelestarian Pulau Kukup terjaga, pihak PTNJ sentiasa meneruskan usaha-usaha dalam memastikan empat teras utama iaitu konservasi, penyelidikan, pendidikan dan eko-pelancongan dapat dijalankan di kawasan tersebut.

Walau bagaimanapun status Pulau Pisang di perairan Pontian adalah bukan sebagai Taman Negara Johor. Pulau Pisang adalah sebahagian dari kawasan pentadbiran Majlis Daerah Pontian (Kepulauan) seluas 133.10 hektar meliputi empat (4) pulau iaitu Pulau Pisang, Pulau Sauh, Pulau Kemudi, Pulau Tunda yang terletak kira-kira 18 kilometer daripada Bandar Pontian. Sehingga kini, Pulau Pisang hanya dijadikan sebagai kawasan pentadbiran Majlis Daerah Pontian dan tidak ada sebarang perancangan pembangunan.

Sekian, terima kasih.